

# Harapan Mahathir pada Pemuda

UM 10 SEP 1962

KUALA LUMPUR 9 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini melahirkan harapannya supaya Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia yang mendapat ketua barunya akan "memainkan peranan yang perlu dimainkan oleh Pemuda UMNO."

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di kediamannya di sini, beliau bagaimanapun tidak mahu menjelaskan lebih lanjut mengenai peranan apa yang harus dimainkan oleh pergerakan tersebut.

Ditanya sama ada pimpinan Encik Anwar Ibrahim akan menarik lebih ramai belia di luar UMNO, Perdana Menteri itu hanya menyatakan bahawa: "Tunggulah dan sama-sama kita lihat."

Katanya, yang penting

sekarang ialah UMNO dan pergerakannya dapat mengenyahkan soal lain untuk sama-sama berganding bahu meneruskan perjuangan.

Ditanya sama ada kedudukan bekas Ketua Pemuda, Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin dalam kabinet akan tergugat dengan kekalahannya hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, "Tidak."

Mengenai usul Pemuda UMNO yang mendesak kerajaan mengharamkan semua bentuk dan pusat perjudian, beliau menyatakan bahawa kerajaan akan mengkaji usul itu dan semua usul lain yang dikemukakan oleh pergerakan.

Ditanya sama ada kerajaan akan menutup kasino, Datuk Sri Dr. Mahathir enggan menjawab soalan itu tetapi hanya berkata:

"Kerajaan mempunyai idea dan rancangannya sendiri dan boleh jamin bahawa rancangan itu tidak akan menjejaskan."

Naib Presiden UMNO, Dato' Harun Idris pula yakin dengan ketokohan yang ada pada Encik Anwar Ibrahim akan dapat memberi pimpinan yang dihasratkan oleh pergerakan itu.

Bagaimanapun soal sama ada Ketua Pemuda yang baru itu dapat membawa pembaharuan dalam pergerakan tersebut, beliau berkata perkara itu hanya dapat ditentukan di kemudian hari.

Ditanya apakah pula faktor-faktor yang dianggapnya yang membawa kejayaan pada Encik Anwar, bekas Ketua Pergerakan Pemuda itu secara ringkas berkata, "mungkin ada sesuatu kelebihan pada diri Anwar."